

**D.R. 6/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Eksais (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.
2. Akta Eksais 1976 adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dalam takrif "gudang berlesen"— Pindaan seksyen 2. Akta 176.
  - (a) dengan memotong perkataan "dan" yang terdapat di akhir perenggan (b); dan
  - (b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
    - "(ba) mana-mana kedai bebas cukai yang dilesenkan di bawah seksyen 65D; dan".

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Eksais 1976 ("Akta").

2. *Fasal 1* memberikan tajuk ringkas Rang Undang-Undang.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "gudang berlesen" dalam subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan kedai bebas cukai.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1839.]